

27/03/1997

Selangor arah pemaju henti bersih kawasan

SHAH ALAM, Rabu - Kerajaan Selangor mengarahkan pemaju yang menjalankan kerja tanah di tapak seluas kira-kira 138 hektar di PT 13431 Mukim Hulu Klang dekat sini, menghentikan semua aktiviti pembersihan tanah di kawasan itu, berkuatkuasa hari ini.

Menteri Besar, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata arahan itu dikeluarkan selepas siasatan di kawasan berkenaan berikutan laporan Berita Harian hari ini, yang menyiarkan kenyataan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh.

Beliau berkata, siasatan awal menunjukkan kerja tanah bagi pembangunan campuran di kawasan itu dilaksanakan oleh Konsortium Ikatan Rapi Sdn Bhd.

"Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) sudah meminta pemaju terbabit menghentikan kerja berkuatkuasa hari ini, selepas mendapati kerja tanah di kawasan itu tidak dilaksanakan mengikut arahan Seksyen 75(a) Akta Parit dan Jalan 1994.

"Pemaju juga sudah diingatkan supaya mematuhi arahan MPAJ dalam perbincangan pada 12 Mac lalu kerana didapati tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh MPAJ," katanya dalam sidang akhbar di pejabatnya, di sini, hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam, meminta supaya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menjalankan siasatan terhadap kegiatan pembukaan tanah secara besar-besaran di utara Selangor.

Kegiatan itu dikesan oleh Perdana Menteri melalui udara dalam perjalanan pulang dari Pahang ke Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Muhammad menjelaskan, kawasan di Hulu Klang itu pada asalnya adalah tanah kerajaan yang diberikan kepada beberapa syarikat kecil pada 1983 untuk melaksanakan projek pembangunan.

Menurutnya, syarikat terbabit kemudian menubuhkan konsortium sebelum membangunkan kawasan itu.

Ditanya sama ada kerajaan negeri mengenal pasti kawasan sebenar yang dimaksudkan Perdana Menteri, Muhammad berkata, lokasi sebenar belum dikenal pasti.

"Sebenarnya, kita masih mencari kawasan sebenar yang dimaksudkan oleh PM," katanya.

Berikutan itu, katanya, Pejabat Daerah dan Tanah Gombak dan MPAJ diarahkan menyiapkan laporan dalam tempoh dua hari bagi mengenal pasti lokasi yang dimaksudkan PM itu.

Jelasnya, pada masa ini, hanya satu kawasan pembangunan dalam MPAJ dikesan dijalankan tidak mengikut peraturan yang ditetapkan.

"Kita masih mencari kawasan yang dimaksudkan, malah pegawai pejabat saya sudah menghubungi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi mendapatkan maklumat mengenainya tetapi hingga sekarang, kita tidak tahu kawasan yang dimaksudkan," katanya.

Muhammad berkata, beliau sendiri akan meninjau kawasan itu dari udara Jumaat ini, bagi mengenal pasti lokasi sebenar selain beberapa kawasan pembangunan bukit di negeri ini.

Beliau mahu mengetahui lokasi yang tepat dan tidak menolak kemungkinan ada lagi kawasan yang melanggar syarat.

"Kerajaan negeri memang mengambil berat soal kemajuan yang dibuat di Selangor terutama membabitkan bukit.

"Saya harap pemaju mematuhi arahan dan peraturan yang ditetapkan berhubung syarat kerja dan aktiviti di tempat yang memerlukan syarat

tertentu seperti di lereng bukit dan kawasan tadahan air," katanya.

Beliau juga mengingatkan pemaju yang menjalankan kerja tanah di kawasan cerun melebihi 20 darjah supaya mematuhi peraturan yang ditetapkan majlis perbandaran atau Jabatan Alam Sekitar (JAS).

(END)